


TARIKH	23 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	Setempat

Titah jaga kesihatan

Seri Paduka tinjau keadaan jemaah menjelang wukuf



Lambaian Kaabah

MAKKAH: Yang di-Per-tuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adz-zam Shah semalam menasihatkan jemaah haji Malaysia supaya menjaga kesihatan untuk menunaikan rukun haji utama, wukuf di Arafah pada 25 Oktober.

Seri Paduka bertitah ibad-dah bermalam di Muzdalifah dan melakukan jamrah di Mina juga adalah rukun haji dan perjalanan ke arah

itu memerlukan tuntutan fi-zikal dan kerohanian yang tinggi.

"Beta dan Raja Permaisuri amat gembira dapat menin-jau sendiri keadaan jemaah haji Malaysia yang kelihatan sihat dan bersedia untuk berwukuf," titah Tuanku Abdul Halim semasa me-lawat ibu pejabat Tabung Haji di Bangunan Abraj Al-Janadriah, dekat sini.

Turut berangkat Raja Per-maisuri Agong Tuanku Ha-jah Haminah.

Seri Paduka juga menerima cenderahati daripada Ketua Muassasah Asia Tenggara, Sheikh Zuhair Al Sandayu iaitu sebahagian daripada kiswah (kain yang menutupi Kaabah) yang disalin ba-ru-baru ini.

Tuanku Abdul Halim turut melahirkan rasa gembira ke-rana dapat beramah mesra dengan jemaah dan petugas Tabung Haji Malaysia sema-sa berada di Tanah Suci.

Seri Paduka juga mengu-capkan syabas kepada Ta-bung Haji di atas usaha ber-terusan badan itu memberi dan menambah baik per-khidmatan kepada semua je-maah Malaysia.

"Ramai pemimpin negara asing dan juga Kerajaan Arab Saudi kagum dan me-muji serta memandang ting-gi sikap dan perwatakan je-maah Malaysia sehingga ada yang menyatakan jemaah Malaysia adalah yang terbaik dalam kalangan jutaan je-maah lain," titah Seri Pa-duka. - Bernama